

**TAJUK PROPOSAL: KAJIAN UNTUK MENINGKATKAN KEMAHIRAN  
PENGIRAAN DAN PENGGUNAAN NILAI MATA WANG BAGI MURID  
DISKALKULIA DI SEKOLAH RENDAH.**

### PERNYATAAN MASALAH

- Murid diskalkulia mempunyai kesukaran untuk mengira nilai mata wang kertas
- Murid diskalkulia mempunyai kesukaran untuk membezakan nilai mata wang kertas

### OBJEKTIF KAJIAN

- Mengenalpasti masalah pengiraan mata wang dalam kalangan murid diskalkulia dalam situasi sebenar kehidupan.
- Mengenalpasti masalah penggunaan matawang dalam kalangan murid diskalkulia dalam situasi sebenar kehidupan.
- Mengenalpasti kesan kelemahan pengiraan dan penggunaan mata wang dalam kalangan murid diskalkulia.


### PERSOALAN KAJIAN

1) Adakah 10 orang murid sasaran dapat meningkatkan kemahiran mengira nilai mata wang dengan betul dalam situasi kehidupan sebenar?

2) Adakah 10 orang murid sasaran mampu membezakan nilai mata wang dengan betul dalam situasi kehidupan sebenar?

### KUMPULAN SASARAN

- Pelaksanaan intervensi ini telah melibatkan kumpulan sasaran yang telah ditetapkan seramai 10 orang murid PPKI Tahun 1 Sekolah Rendah Kebangsaan Bukit Jambul



4

Pelajar perempuan



6

Pelajar lelaki


### TEORI

- Pengkaji telah mengambil teori perkembangan kognitif oleh Jean Piaget sebagai sokongan dalam kajian ini.



### INTERVENSI

- Intervensi 1: Aktiviti simulasi jual beli di dalam kelas.
- Intervensi 2: Mari Mengenal Mata Wang Malaysia.



### INSTRUMEN KAJIAN

- Rekod Anekdot
- Senarai Semak
- Borang Soal Selidik

### METODOLOGI KAJIAN



Metadologi yang diguna pakai oleh pengkaji adalah berdasarkan aliran model kajian tindakan Model Kemmis & Mc Taggart yang bermula dengan tinjauan awal, merancang tindakan seterusnya melaksanakan tindakan dan memerhati, yang terakhir ialah mereflek.

### KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian ini sangat penting untuk dilakukan kerana ianya dapat memberi manfaat kepada guru dan juga murid-murid diskalkulia. Secara amnya, kajian ini dapat mencadangkan pelbagai intervensi yang mempunyai pelbagai aktiviti yang menarik kepada murid-murid diskalkulia. Kajian ini bukan sahaja mencadangkan aktiviti yang menarik malahan dapat menarik minat murid untuk belajar dan juga meningkatkan interaksi sosial mereka.